

30 APR 2004
Mahathir-Ulung
TUN DR MAHATHIR TOKOH "PHENOMENON"

BANGI, 30 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad selayaknya diiktiraf sebagai tokoh ulung negara ini yang boleh dianggap sebagai suatu "phenomenon", gelaran pertama seumpamanya diberikan kepada seorang pemimpin Malaysia.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin berkata setiap kritikan, pemerhatian dan juga gelaran yang diberikan kepada Dr Mahathir menunjukkan beliau mempunyai kesemua ciri seorang negarawan unggul.

"Apabila sesuatu hal atau seseorang mempunyai pengaruh dan kesan begitu luas dan mendalam dalam sesuatu entiti baik tempatan, rantau dan global seperti yang dialami Dr Mahathir, daripada sudut sosiologi, ia mengangkat sesuatu hal atau tokoh berkenaan ke taraf suatu "phenomenon", katanya pada Pidato Umum sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Dr Mahathir pada majlis konvokesyen Khas universiti itu di sini, hari ini.

Anugerah itu disampaikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman selaku Canselor UKM. Turut hadir Tuanku Ampuan Negeri Sembilan Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin, isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Beliau berkata buat pertama kalinya, seorang pemimpin negara ini boleh dikategorikan sebagai suatu "phenomenon".

Beliau juga berkata jasa Dr Mahathir yang tidak terbatas sepanjang memimpin negara sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun akan sentiasa dikenang rakyat.

Katanya kebijaksanaan bekas Perdana Menteri itu dalam menerajui ekonomi negara menjadi legenda dan mengagumkan banyak pihak termasuk dari

luar
negara, khususnya apabila beliau berjaya memulihkan ekonomi negara
ketika
krisis ekonomi Asia pada tahun 1997.

Sementara itu, Tuanku Ja'afar semasa berucap menyifatkan Dr
Mahathir
sebagai negarawan ulung yang terkenal dengan pemikiran dinamisnya.

Titah baginda sepanjang kepimpinan beliau, Dr Mahathir telah
berjaya
membentuk bangsa Malaysia sebagai bangsa yang berjaya, mempunyai
kualiti
hidup yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat dunia.

Dr Mahathir adalah seorang daripada pejuang dan penaja penubuhan
UKM
yang berkonsepkan sebuah "universiti kebangsaan" berteraskan
peradaban dan
Bahasa Melayu.

Beliau pernah dilantik sebagai Naib Pengerusi Bersama
Jawatankuasa
Penaja UKM pada tahun 1968, sebelum dilantik sebagai Pengerusi
Majlis UKM
pada tahun 1974.

-- BERNAMA
SHI KHY RHM